**PERATURAN PEMARKAHAN KERTAS 2 (BAHAGIAN A)**

| Soalan | Butiran | | Markah |
|---|---|---|---|
| **1**(*a*)(*i*) | H1 | Sumber ekonomi | 1 |
| | H2 | Diperlukan untuk mengeluarkan barang dan perkhidmatan | 1 |
| | | | **[Mak. 1m]** |
| **1**(*a*)(*ii*) | H1 | Alat ciptaan manusia yang digunakan untuk mengeluarkan barang dan perkhidmatan | 1 |
| | H2 | Mempunyai penawaran yang terhad | 1 |
| | H3 | Sesetengah modal mempunyai mobiliti geografi yang tinggi | 1 |
| | H4 | Contohnya peralatan dan mesin | 1 |
| | H5 | Sesetengah modal tidak mempunyai mobiliti geografi yang tinggi | 1 |
| | H6 | Contohnya bangunan dan kilang | 1 |
| | H7 | Meningkatkan daya dan kecekapan pengeluaran | 1 |
| | | | **[Mak. 4m]** |
| **1**(*b*) | F1 | Sebahagian daripada keseluruhan sistem hidup Islam | 1 |
| | H1a | Mencapai al-Falah (kebahagiaan di dunia dan akhirat seimbang) | 1 |
| | H1b | Aktiviti dan keputusan ekonomi berlandaskan hukum Islam serta halal | 1 |
| | F2 | Persaingan adil dan saksama | 1 |
| | H2a | Pengguna bebas memilih barang dan perkhidmatan yang halal | 1 |
| | H2b | Pengguna bebas memilih pekerjaan | 1 |
| | H2c | Pengeluar bebas mengeluarkan barang dan perkhidmatan yang halal | 1 |
| | H2d | Kerajaan mengawal kebebasan melalui undang-undang | 1 |
| | F3 | Kepentingan antara individu dengan masyarakat seimbang | 1 |
| | H3a | Penggunaan dan pengeluaran barang dan perkhidmatan berdasarkan prinsip kesederhanaan | 1 |
| | H3b | Golongan mampu membayar zakat untuk membantu golongan kurang mampu | 1 |
| | | | **[Mak. 5m]** |

| Soalan | Butiran | | Markah |
|---|---|---|---|
| **1(*c*)** | Contoh jadual : | | |
| | **Harga (RM)** | **Kuantiti Ditawar (unit )** | |
| | 10<br>20<br>30 | 40<br>50<br>60 | |
| | H1 Label jadual yang lengkap - Harga (RM), Kuantiti (unit) | | 1 |
| | H2 Lajur Harga menunjukkan trend meningkat atau menurun | | 1 |
| | H3 Lajur Kuantiti menunjukkan trend yang sama dengan harga | | 1 |
| | H4 Apabila harga meningkat, kuantiti ditawar juga meningkat | | 1 |
| | H5 Hubungan antara harga dan kuantiti ditawar adalah positif | | 1 |
| | | | **[Mak. 3m]** |
| **1**(*d*)(*i*) | H1 Paksi Harga (RM) } mempunyai titik origin | | 1 |
| | H2 Paksi Kuantiti (unit ) } mempunyai titik origin | | 1 |
| | H3 Keluk permintaan DD | | 1 |
| | H4 Keluk penawaran SS | | 1 |
| | H5 Titik keseimbangan E | | 1 |
| | *(Rujuk rajah keluk keseimbangan pasaran di halaman berikutnya)* | | **[5m]** |
| **1**(*d*)(*ii*) | H1 Berlaku lebihan penawaran | | 1 |
| | H2 Sebanyak 10 unit | | 1 |
| | H3 Harga cenderung menurun | | 1 |
| | H4 Apabila harga menurun, permintaan akan bertambah | | 1 |
| | H5 Penawaran akan berkurang | | 1 |
| | H6 Sehingga mencapai keseimbangan | | 1 |
| | | | **[Mak. 2m]** |

**Jawapan untuk soalan 1(d)(i)**



| Soalan | Butiran | | Markah |
|---|---|---|---|
| **2**(*a*) | F1 | Mewujudkan sandaran minimum | 1 |
| | H1a | Ordinan Bank Negara Malaysia memperuntukkan sandaran minimum 80.59% dalam bentuk emas dan rizab antarabangsa | 1 |
| | H1b | Rizab antarabangsa termasuklah emas, pertukaran asing, milikan hak pengeluaran khas, dan rizab kumpulan wang antarabangsa | 1 |
| | H1c | Sekiranya bank pusat ingin mencetak RM100, sandaran minimum yang perlu dimiliki ialah RM80.59 | 1 |
| | F2 | Campur tangan dalam pasaran pertukaran asing (FOREX) | 1 |
| | H2a | Bank Negara Malaysia akan membeli Ringgit Malaysia dengan menjual Dolar Amerika Syarikat apabila nilai Ringgit Malaysia adalah rendah | 1 |
| | H2b | Kesannya jumlah Ringgit Malaysia di dalam pasaran akan berkurang dan nilai Ringgit Malaysia akan meningkat berbanding dengan Dolar Amerika Syarikat | 1 |
| | H2c | Walaupun tindakan ini mengurangkan rizab antarabangsa yang dipegang oleh Bank Negara Malaysia, nilai Ringgit Malaysia dapat distabilkan | 1 |
| | F3 | Mengawal inflasi | 1 |
| | H3 | Bank pusat akan memastikan kadar inflasi dalam negara berada pada paras terkawal dengan menggunakan alat dasar kewangan | 1 |
| | | | **[Mak. 6*m*]** |
| **2**(*b*) | **Kelebihan kemudahan overdraf :** | | |
| | H1 | Tidak memerlukan cagaran atau penjamin | 1 |
| | H2 | Boleh mengeluarkan wang mengikut keperluan | 1 |
| | H3 | Dikenakan faedah untuk jumlah yang digunakan sahaja | 1 |
| | **Kelemahan kemudahan overdraf :** | | |
| | H4 | Dikenakan faedah yang tinggi | 1 |
| | H5 | Bukan semua pemegang akaun semasa yang ditawarkan kemudahan overdraf | 1 |
| | H6 | Ada had tertentu yang telah ditetapkan | 1 |
| | | | **[Mak. 4m]** |

| Soalan | Butiran | Markah |
|---|---|---|
| **2**(*c*) | H1 Satu unit ekonomi | 1 |
| | H2 Terdiri daripada pelbagai saiz dan bentuk | 1 |
| | H3 Milikan tunggal , perkongsian atau syarikat berhad | 1 |
| | H4 Merangkumi firma swasta dan firma awam | 1 |
| | H5 Objektif firma swasta ialah mencapai keuntungan maksimum/ memaksimumkan jualan | 1 |
| | H6 Objektif firma awam ialah memaksimumkan kebajikan masyarakat / meningkatkan taraf hidup rakyat | 1 |
| | H7 Mengeluarkan / membekalkan barang dan perkhidmatan kepada isi rumah | 1 |
| | H8 Meminta/ menggunakan faktor pengeluaran daripada isi rumah | 1 |
| | | **[Mak. 5m]** |
| **2**(*d*)(*i*) | Jumlah Hasil – Jumlah Kos | 1 |
| | = RM 25 000 – RM10 000 | 1 |
| | = RM15 000 | 1 |
| | [B0D 2m] | **[3m]** |
| **2**(*d*)(*ii*) | H1 Kos yang sepatutnya dibayar kepada faktor pengeluaran tetapi tidak diambil kira dalam kos pengeluaran | 1 |
| | H2 Contoh kos implisit seperti ganjaran upah yang sepatutnya dibayar kepada pemilik sendiri / kos sewa kepada pemilik tanah atau bangunan milik sendiri / faedah atas sumber modal sendiri | 1 |
| | H3 Diambil kira dalam pengiraan untung ekonomi | 1 |
| | | **[Mak. 2m]** |

| Soalan | Butiran | | Markah |
|---|---|---|---|
| **3**(*a*)(*i*) | Pengangguran geseran | | **[1m]** |
| **3**(*a*)(*ii*) | H1 | Sikap penganggur yang terlalu memilih pekerjaan | 1 |
| | H2 | Menunggu peluang pekerjaan yang lebih baik | 1 |
| | H3 | Tidak bersungguh-sungguh mencari pekerjaan | 1 |
| | H4 | Tidak berminat bekerja | 1 |
| | H5 | Kekurangan maklumat tentang pekerjaan yang ditawarkan | 1 |
| | H6 | Pekerja kurang mobiliti | 1 |
| | H7 | Penganggur suka membuat kerja yang tidak formal | 1 |
| | H8 | Majikan mengambil masa yang lama untuk memilih pekerja baharu | 1 |
| | | | **[Mak. 3*m*]** |
| **3**(*b*)(*i*) | F1 | Kadar faedah tetap | 1 |
| | H1a | Tidak berubah sepanjang tempoh pinjaman | 1 |
| | H1b | Peminjam tahu dengan tepat berapa jumlah perlu dibayar secara ansuran setiap bulan | 1 |
| | F2 | Kadar faedah terapung | 1 |
| | H2a | Mengikut turun naik Kadar Rujukan sepanjang tempoh pinjaman | 1 |
| | H2b | Kadar Rujukan dikawal oleh Bank Pusat | 1 |
| | H2c | Perubahan dalam kadar faedah boleh menyebabkan perubahan dalam bayaran ansuran bulanan | 1 |
| | | | **[Mak. 2m]** |
| **3**(*b*)(*ii*) | H1 | Perbelanjaan agregat pengguna menurun | 1 |
| | H2 | Kekurangan permintaan pengguna | 1 |
| | H3 | Kadar pengangguran meningkat | 1 |
| | H4 | Pelaburan firma menurun | 1 |
| | H5 | Penawaran agregat barang dan perkhidmatan dalam ekonomi berkurang | 1 |
| | H6 | Firma tidak bermotivasi untuk mengeluarkan lebih banyak barang | 1 |
| | H7 | Firma tidak mempunyai modal untuk mengembangkan operasi | 1 |
| | H8 | Firma tidak dapat menampung kos operasi | 1 |
| | H9 | Firma memberhentikan operasi | 1 |
| | | | **[Mak. 4m]** |

| Soalan | Butiran | | Markah |
|---|---|---|---|
| **3**(*c*) | H1 | Memperoleh barang dan perkhidmatan yang tidak dikeluarkan di dalam negara | 1 |
| | H2 | Meluaskan pasaran | 1 |
| | H3 | Meningkatkan keuntungan firma tempatan | 1 |
| | H4 | Menambah pendapatan negara melalui kutipan duti import / duti eksport / cukai keuntungan syarikat | 1 |
| | H5 | Menggalakkan pemindahan dan penggunaan teknologi | 1 |
| | H6 | Meningkatkan daya pengeluaran industri tempatan | 1 |
| | H7 | Dapat menikmati barang pada harga yang lebih murah | 1 |
| | H8 | Pengkhususan / pengeluaran barang secara besar-besaran | 1 |
| | H9 | Mutu / kualiti barang tempatan meningkat akibat persaingan antara pengeluar | 1 |
| | H10 | Menggalakkan usaha penyelidikan dan pembangunan | 1 |
| | H11 | Menawarkan pelbagai pilihan barang dan perkhidmatan | 1 |
| | H12 | Meningkatkan tingkat kepuasan / taraf hidup pengguna | 1 |
| | H13 | Mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan / mengurangkan masalah pengangguran | 1 |
| | H14 | Menggalakkan mobiliti tenaga buruh | 1 |
| | H15 | Menggalakkan kemasukan pelaburan langsung asing | 1 |
| | H16 | Mempercepat pertumbuhan ekonomi | 1 |
| | H17 | Mewujudkan kerjasama dan persefahaman antara negara rakan dagang | 1 |
| | | | **[Mak. 5*m*]** |
| **3**(*d*)(*i*) | Akaun semasa | | **[1m]** |
| **3**(*d*)(*ii*) | F1 | Akaun barangan | 1 |
| | H1 | Merekodkan jumlah nilai eksport barang nampak dengan jumlah nilai import barang nampak | 1 |
| | F2 | Akaun perkhidmatan | 1 |
| | H2 | Merekodkan eksport dan import barang tak nampak | |
| | F3 | Akaun pendapatan primer | 1 |
| | H3 | Merekodkan penerimaan dan pembayaran pampasan pekerja dan pendapatan pelaburan | 1 |
| | F4 | Akaun pendapatan sekunder | 1 |
| | H4 | Merekodkan penerimaan dan pembayaran bayaran pindahan | 1 |
| | | | **[Mak. 4m]** |

**PERATURAN PEMARKAHAN KERTAS 2 (BAHAGIAN B)**

| Soalan | Butiran | Markah |
|---|---|---|
| **4**(*a*) | H1 Kehendak manusia yang tidak terbatas berbanding dengan sumber ekonomi yang terhad | 1 |
| | H2 Masalah kekurangan menyebabkan perlu membuat pilihan | 1 |
| | H3 Masalah pilihan melibatkan membuat keputusan tentang kehendak yang perlu dipenuhi terlebih dahulu dan melibatkan pengorbanan, iaitu kos lepas | 1 |
| | H4 Kos lepas merujuk kepada pulangan yang mungkin daripada barang atau perkhidmatan kedua terbaik yang terpaksa dilepaskan akibat daripada pemilihan sesuatu barangan | 1 |
| | H5 Contoh kekurangan, pilihan dan kos lepas isi rumah | 1 |
| | **Keluk Kemungkinan Pengeluaran**   | 2 |
| | H6 Kekurangan berlaku di luar keluk kemungkinan pengeluaran, iaitu titik K | 1 |
| | H7 Pilihan kombinasi pengeluaran titik L dan titik M | 1 |
| | | **[Mak. 6*m*]** |

| | | |
|---|---|---|
| **4**(*b*) |  | |
| | H1 Paksi harga dan kuantiti lengkap dengan label dan titik origin | 1 |
| | H2 Keluk permintaan DD | 1 |
| | H3 Tingkat harga dan kuantiti diminta yang asal – $P_0$ dan $Q_0$ | 1 |
| | H4 Tingkat harga dan kuantiti diminta yang baharu – $P_1$ dan $Q_1$ | 1 |
| | H5 Arah anak panah yang betul | 1 |
| | | **[Mak. 4m]** |
| **4**(*c*) | **Tahap 1 (1 – 3 markah )**<br>• Calon dapat menjelaskan secara ringkas kesan terhadap mana-mana satu unit ekonomi.<br><br>**Tahap 2 ( 4 – 6 markah )**<br>• Calon dapat menjelaskan secara ringkas kesan terhadap mana-mana dua unit ekonomi.<br><br>**Tahap 3 ( 7 – 9 markah )**<br>• Calon dapat menjelaskan secara memuaskan kesan terhadap ketiga-tiga unit ekonomi.<br>• Calon mampu menghuraikan keburukan kepada mana-mana unit ekonomi / memberi cadangan penambahbaikan.<br><br>**Cadangan Jawapan :**<br><u>Kesan terhadap isi rumah</u><br>- Lebih banyak isi rumah mampu melanggan perkhidmatan jalur lebar<br>- Kebolehaksesan kepada internet dan maklumat dengan lebih murah dan cepat<br>- Dapat mengetahui isu dan berita dari pelbagai persepsi<br>- Perbelanjaan untuk perkhidmatan jalur lebar lebih murah<br>- Boleh menggunakan lebihan peruntukan untuk tujuan-tujuan lain<br>- Berupaya meningkatkan taraf hidup isi rumah | |

| | |
|---|---|
| | <u>Kesan terhadap firma</u><br>- Memudahkan firma menjalankan perniagaan dan urusan dengan lebih baik<br>- Pasaran perniagaan secara atas talian ( online ) lebih meluas<br>- Hasil jualan firma meningkat<br>- Untung firma meningkat<br><br><u>Kesan terhadap kerajaan</u><br>- Urusan pentadbiran menjadi lebih cekap, pantas dan mudah<br>- Kos komunikasi yang lebih menjimatkan<br>- Hasil kerajaan meningkat menerusi kutipan cukai keuntungan syarikat dan cukai pendapatan inidividu bagi pengusaha perniagaan milikan tunggal<br>- Kemampuan kerajaan untuk membuat perbelanjaan pembangunan meningkat<br><br><u>Kesan negatif</u><br>- Penyalahgunaan internet terutama media sosial boleh membawa kepada pelbagai masalah dan jenayah siber<br>- Kemungkinan wujudnya risiko terminal maklumat digodam membawa imej yang buruk kepada firma |

| Soalan | Butiran | | Markah |
|---|---|---|---|
| **5**(*a*) | F1 | Mengenal pasti punca pendapatan dan potongan wajib | 1 |
| | H1a | Menjumlahkan semua pendapatan yang diterima | 1 |
| | H1b | Tolak potongan wajib untuk mendapatkan pendapatan boleh guna bagi bulan berkenaan | 1 |
| | F2 | Mencatatkan semua perbelanjaan yang hendak dilakukan | 1 |
| | H2a | Menggolongkan perbelanjaan ikut kategori | 1 |
| | H2b | Contoh perbelanjaan : perbelanjaan tetap(sewa), perbelanjaan harian (makanan), dan perbelanjaan di luar jangkaan (rawatan) | 1 |
| | F3 | Menyusun perbelanjaan mengikut keutamaan | 1 |
| | H3a | Mengutamakan perbelanjaan yang benar-benar diperlukan | 1 |
| | H3b | Perbelanjaan kurang penting ditangguhkan | |
| | F4 | Mengimbangkan anggaran pendapatan boleh guna dan perbelanjaan | 1 |
| | H4a | Pastikan bahawa perbelanjaan tidak melebihi pendapatan boleh guna | 1 |
| | H4b | Terdapat baki pendapatan yang tidak dibelanjakan / tabungan | 1 |
| | | | **[Mak. 6*m*]** |
| **5**(*b*) | F1 | Mendahulukan perkara penting | 1 |
| | H1 | Barang keperluan / contoh yang sesuai | 1 |
| | F2 | Menggalakkan tabungan | 1 |
| | H2 | Untuk kecemasan / awasan / contoh yang sesuai | 1 |
| | F3 | Menyelaraskan perbelanjaan mengikut pendapatan | 1 |
| | H3 | Berjimat / tidak boros dalam perbelanjaan | 1 |
| | F4 | Mengelakkan hutang | 1 |
| | H4 | Perbelanjaan tidak melebihi pendapatan | 1 |
| | F5 | Mengelakkan kenaikan harga barang / inflasi | 1 |
| | H5 | Membolehkan individu mengawal perbelanjaan | 1 |
| | | | **[Mak.6m]** |
| **5(***c***)** | **Tahap 1 (1 – 3 markah)**<br>• Calon dapat mengenal pasti cukai tanah sebagai hasil kerajaan.<br>• Calon dapat menyatakan fakta secara ringkas/ minimum mengenai tindakan kerajaan dalam mengatasi inflasi atau kemelesetan ekonomi. | | |

**Tahap 2 (4 -6 markah)**

- Pemahaman yang baik dan calon dapat membuat aplikasi terhad berkaitan cukai, inflasi / kemelesetan.
- Calon dapat menghuraikan tindakan kerajaan mengatasi inflasi atau kemelesetan ekonomi dengan lebih terperinci.
- Calon berupaya menjelaskan konsep guna tenaga penuh.
- Calon dapat mengaitkan isu inflasi dan kemelesetan tetapi huraian tidak relevan.
- Calon dapat memberikan contoh yang tidak relevan.

**Tahap 3 (7 – 8 markah)**

- Pemahaman yang mendalam.
- Fakta yang tepat disokong dengan contoh dan huraian yang tepat.
- Calon dapat mengemukakan cadangan atau pendapat bagaimana kerajaan perlu memperuntukkan hasil yang diterima untuk mencapai kestabilan ekonomi dan mencapai guna tenaga penuh.
- Calon dapat mengemukakan cadangan / rumusan / pendapat sendiri.

**Contoh Jawapan Tahap 3**

- Hasil kerajaan ialah cukai tanah
- Maksud cukai langsung
- Masalah ketidakstabilan ekonomi ialah inflasi dan kemelesetan
- Memberi maksud guna tenaga penuh
- Inflasi diatasi dengan dasar fiskal menguncup
- Kemelesetan diatasi dengan dasar fiskal mengembang
- Maksud inflasi
- Maksud kemelesetan
- Inflasi - menaikkan kadar cukai supaya pendapatan individu berkurang. Dengan itu, kuasa beli menurun dan harga barang menurun.
- Beri kesan pada guna tenaga penuh - guna tenaga akan berkurang kerana firma mengurangkan pekerja akibat pengurangan pengeluaran
- Kemelesetan – menurunkan cukai supaya pendapatan individu bertambah. Dengan itu, kuasa beli meningkat dan harga barang akan naik.
- Beri kesan pada guna tenaga penuh – guna tenaga akan bertambah kerana firma menambahkan pekerja akibat peningkatan pengeluaran
- Kerajaan perlu memastikan negara berada dalam keadaan stabil supaya negara luar mahu datang membuat pelaburan seterusnya meningkatkan pendapatan negara
- Semua masyarakat perlu membayar cukai supaya dapat meningkatkan pendapatan negara seterusnya kerajaan dapat menjalankan pembangunan – mewujudkan peluang pekerjaan – guna tenaga penuh tercapai

***Nota : terima mana mana jawapan dan huraian yang munasabah***

| Soalan | Butiran | | Markah |
|---|---|---|---|
| **6**(*a*) | F1 | Tenaga manusia | 1 |
| | H1a | Kemahiran dan tahap motivasi tenaga manusia akan mempengaruhi produktiviti | 1 |
| | H1b | Setiap tenaga manusia harus ditempatkan ke posisi kerja mengikut kebolehan dan kemahiran masing-masing | 1 |
| | H1c | Tahap kemahiran individu boleh ditingkatkan melalui latihan dan program pembangunan diri | 1 |
| | H1d | Tenaga manusia akan bekerja lebih bersungguh-sungguh sekiranya bermotivasi tinggi | 1 |
| | H1e | Pekerja boleh dimotivasi melalui ganjaran secara kewangan atau bukan kewangan | 1 |
| | F2 | Sistem dan prosedur | 1 |
| | H2a | Kecekapan dan keberkesanan sistem dan prosedur akan mempengaruhi produktiviti | 1 |
| | H2b | Sistem dan prosedur kerja harus ringkas dan selaras dengan matlamat organisasi | 1 |
| | H2c | Sistem dan prosedur yang efektif mampu membantu mengesan kelemahan dalam organisasi | 1 |
| | F3 | Struktur organisasi | 1 |
| | H3a | Struktur organisasi yang sesuai membantu meningkatkan produktiviti | 1 |
| | H3b | Sebuah organisasi akan dibahagikan kepada beberapa bahagian supaya masing-masing mempunyai tanggungjawab dan skop kerja sendiri | 1 |
| | H3c | Pengkhususan dalam unit masing-masing dapat meningkatkan produktiviti | 1 |
| | F4 | Gaya kepimpinan | 1 |
| | H4a | Gaya kepimpinan akan membentuk budaya organisasi dan mempengaruhi produktiviti | 1 |
| | H4b | Pemimpin harus memiliki kemahiran membuat keputusan yang tepat dan sudi mengambil risiko dalam menjalankan kerjayanya | 1 |
| | H4c | Pemimpin yang berwibawa mampu memimpin dan memotivasikan ahli-ahli organisasinya | 1 |
| | F5 | Persekitaran kerja | 1 |
| | H5a | Susun atur dan kemudahan di tempat kerja akan mempengaruhi produktiviti | 1 |
| | H5b | Susun atur tempat kerja dapat memastikan operasi organisasi berjalan lancar dengan persekitaran kerja kondusif dan selesa | 1 |
| | H5c | Kemudahan yang disediakan di tempat kerja dapat membantu pekerja dalam tugas mereka | 1 |

| Soalan | Butiran | Markah |
|---|---|---|
| | F6 Bahan-bahan | 1 |
| | H6a Kualiti dan bekalan bahan mentah akan mempengaruhi produktiviti | 1 |
| | H6b Bahan yang berkualiti dapat mengelakkan pembaziran daripada kerosakan | 1 |
| | H6c Pengurusan inventori yang sistematik dapat mengelakkan penyimpanan stok yang berlebihan dan bekalan bahan sentiasa mencukupi untuk proses pengeluaran | 1 |
| | F7 Teknologi | 1 |
| | H7a Penggunaan teknologi yang canggih semestinya meningkatkan produktiviti | 1 |
| | H7b Penggunaan peralatan atau mesin moden dan pelaksanaan automasi komputer dapat menjimatkan masa dan tenaga buruh | 1 |
| | H7c Aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) penting untuk membawa inovasi dan pemurnian dalam proses pengeluaran | 1 |
| | F8 Kelengkapan modal | 1 |
| | H8a Prestasi sesebuah kelengkapan modal akan mempengaruhi produktiviti | 1 |
| | H8b Bagi memastikan kelengkapan modal sentiasa berfungsi baik, penyelenggaraan dan pemeriksaan harus dijalankan dari semasa ke semasa | 1 |
| | H8c Penggunaan kelengkapan modal harus dirancang supaya semuanya dapat digunakan dengan optimum | 1 |
| | | **[Mak. 6*m*]** |
| **6**(*b*) | **Tahap 1 (1 – 3 markah)**<br>• Calon hanya mendapat menyenaraikan dan menyatakan fakta secara ringkas.<br>• Calon hanya dapat menyatakan kos sosial dan faedah sosial sahaja / atau salah satu eksternaliti sahaja.<br><br>**Tahap 2 (4 – 6 markah)**<br>• Calon dapat menghuraikan fakta secara mendalam dengan menunjukkan aplilkasi dan ada huraian lanjutan.<br>• Calon dapat menghuraikan sekurang-kurangnya satu kesan kos sosial dan satu faedah sosial ( kedua-dua kesan eksternaliti secara mendalam).<br><br>**Tahap 3 (7 – 8 markah)**<br>• Calon dapat menghuraikan fakta secara mendalam dan menunjukkan aplikasi yang baik.<br>• Calon dapat memberikan contoh sendiri, membuat rumusan dan mengemukakan cadangan. | |

| | |
|---|---|
| | **Contoh Jawapan :**<br><u>Faedah sosial</u><br>- Peningkatan peluang pekerjaan<br>- Perkembangan aktiviti ekonomi di kawasan tersebut<br>- Penambahan peluang perniagaan seperti menggalakkan perkembangan industri sokongan di kawasan tersebut<br>- Taraf hidup rakyat meningkat<br>- Permintaan agregat meningkat<br>- Memperkembangkan teknologi dan kemahiran dalam pelbagai bidang seperti perubatan, pertanian / contoh yang sesuai<br>- Melahirkan modal insan yang berkemahiran dan berdaya saing<br>- Menjimatkan kos pengeluaran tenaga dalam jangka masa panjang / lebih murah berbanding dengan petroleum<br>- Mengurangkan kesan Rumah Hijau / mengurangkan suhu global<br>- Menyediakan tenaga alternatif<br>- Memodenkan bidang pertahanan<br><br><u>Kos sosial</u><br>- Pencemaran alam sekitar<br>- Kemusnahan hidupan flora dan fauna<br>- Menjejaskan kesihatan masyarakat<br>- Kesan radioaktif<br>- Mutasi genetik yang menyebabkan kecacatan<br>- Ancaman peperangan bom nuklear<br><br><u>Kesimpulan / cadangan/ rumusan</u><br>- Perkembangan tenaga nuklear ada kebaikan dan kelemahan<br>- Kerajaan harus mengawal selia kajian nuklear<br>- Kerajaan harus membuat penyelidikan dan kajian sebelum bertindak / meluluskan / perkembangan nuklear<br>- Menguatkuasa undang-undang / melalui Akta<br>- Merujuk pakar daripada luar negara<br>- Mengkaji kesesuaian perkembangan nuklear di negara kita melalui soal selidik, pandangan rakyat<br>- Mengkaji semula tenaga sedia ada<br>- Mengambil kira kos jangka panjang |

| Soalan | Butiran | Markah |
|---|---|---|
| **6(*c*)** | F1 Undang-undang dan peraturan | 1 |
| | H1a Kerajaan telah menetapkan peraturan dan undang-undang tertentu untuk mengawal selia aktiviti pengeluar | 1 |
| | H1b Demi menjaga keselamatan / kebajikan masyarakat | 1 |
| | H1c Contohnya, undang-undang dalam mengawal selia pengeluar ialah Akta Keselamatan/ langkah pencegah radioaktif | 1 |
| | F2 Subsidi | 1 |
| | H2a Subsidi merupakan bantuan kewangan yang diberikan oleh kerajaan kepada industri nuklear | 1 |
| | H2b Kerajaan memberi subsidi dengan motif untuk mengurangkan kos pengeluaran | 1 |
| | H2c Contoh memberi tarif galakan, memberi intensif kepada program penjana tenaga terbaharu seperti SREP | 1 |
| | F3 Cukai | 1 |
| | H3a Cukai merupakan satu mekanisme yang mengumpulkan hasil daripada individu atau syarikat dan entiti lain | 1 |
| | H3b Untuk membangunkan negara dengan menyediakan pelbagai kemudahan awam demi kesejahteraan rakyat | 1 |
| | H3c Contohnya, cukai karbon yang dilaksanakan di negara Australia, England, Amerika Syarikat, Ireland, Chile, Sweden dan Finland | 1 |
| | F4 Bekerjasama dengan negara Lain | 1 |
| | H4a Menjalankan penyelidikan terlebih dahulu sebelum meneroka industri nuklear | 1 |
| | H4b Meminta pakar rujuk dari negara maju | 1 |
| | | **[Mak. 6m]** |

| Soalan | Butiran | Markah |
| --- | --- | --- |
| **7**(*a*) | F1 Ya | 1 |
| | H1 Beroperasi di semua negara ASEAN secara serentak | 1 |
| | H2 Mempunyai 1,177cawangan di semua negara ASEAN | 1 |
| | H3 Semua cawangan dikawal oleh firma induk di negara asal | 1 |
| | H4 Berlaku pemindahan teknologi antara cawangan di negara yang berbeza | 1 |
| | | **[Mak.4 *m*]** |
| **7**(*b*) | F1 Meluaskan pasaran | 1 |
| | H1 Penduduk di negara asal lebih kecil | 1 |
| | F2 Negara pengimport mengenakan perlindungan perdagangan | 1 |
| | H2a Mengenakan kadar cukai yang tinggi | 1 |
| | H2b Dikenakan kadar cukai yang lebih rendah jika membuka operasi di negara pengimport | 1 |
| | F3 Kos pengangkutan yang tinggi | 1 |
| | H3a Jarak yang jauh antara pasaran dengan tapak operasi | 1 |
| | H3b Kos pengeluaran meningkat | 1 |
| | H3c Menaikkan harga jualan untuk mengekalkan margin keuntungan | 1 |
| | F4 Kewujudan tenaga buruh yang mahir di negara ASEAN | 1 |
| | H4a Pada kos yang rendah | 1 |
| | H4b Dapat menjimatkan kos buruh / memaksimumkan keuntungan | 1 |
| | H4c Daya saingan firma dari segi harga ditingkatkan | 1 |
| | F5 Peranan kerajaan menggalakkan globalisasi | 1 |
| | H5a Mengamalkan sifat terbuka | 1 |
| | H5b Melonggarkan kawalan terhadap aktiviti ekonomi | 1 |
| | H5c Melaksanakan liberalisasi perdagangan | 1 |
| | H5d Mengamalkan polisi yang mesra perniagaan / pelepasan cukai dan taraf perintis | 1 |
| | F6 Kemudahan teknologi maklumat dan komunikasi yang maju | 1 |
| | H6a Penggunaan alatan teknologi secara interaktif | 1 |
| | H6b Akibat perkembangan internet | 1 |
| | H6c Memudahkan proses komunikasi / pemindahan maklumat | 1 |
| | H6d Menggalakkan inovasi, produktiviti dan pertumbuhan ekonomi | 1 |
| | | **[Mak. 8m]** |

| | |
|---|---|
| **7(*c*)** | **Tahap 1 (1 – 3 markah)**<br>• Calon dapat menyenaraikan fakta secara ringkas tentang perubahan kadar pertukaran asing, kesan terhadap eksport dan import Malaysia<br><br>**Tahap 2 (4 – 6 markah)**<br>• Calon dapat menghuraikan fakta secara mendalam dengan menggunakan contoh yang sesuai<br><br>**Tahap 3 (7 – 8 markah)**<br>• Calon dapat menghuraikan fakta secara terperinci dengan menggunakan contoh yang sesuai<br>• Calon dapat mengemukakan kesimpulan / cadangan penambahbaikan<br><br>**Contoh Jawapan :**<br><u>Perubahan kadar pertukaran asing :</u><br>- Berlaku kenaikan kadar pertukaran Ringgit Malaysia<br>- Harga mata wang asing lebih murah berbanding dengan Ringgit Malaysia<br>- Untuk mendapatkan seunit Pound Sterling, hanya perlu dibayar RM5.2833 pada Jun 2018 berbanding dengan RM5.5240 pada Jun 2017<br>- Untuk mendapatkan seratus unit Dolar Hong Kong, hanya perlu dibayar RM50.7759 pada Jun 2018 berbanding dengan RM55.0564 pada Jun 2017<br><br><u>Kesan terhadap eksport Malaysia :</u><br>- Harga barang eksport Malaysia lebih mahal di pasaran UK / Hong KOng<br>- Pengimport dari UK / Hong Kong membuat bayaran yang lebih tinggi<br>- Contoh bayaran yang perlu dibuat<br>- Nilai eksport dagangan Malaysia menurun<br><br><u>Kesan terhadap import Malaysia :</u><br>- Harga barang import dari UK / Hong Kong lebih murah di Malaysia<br>- Pengimport Malaysia membuat bayaran yang lebih rendah<br>- Contoh bayaran yang perlu dibuat<br>- Nilai import dagangan Malaysia meningkat<br><br><u>Kesimpulan :</u><br>- Imbangan dagangan Malaysia cenderung mengalami kurangan / defisit<br>- Mengenakan sekatan perdagangan yang lebih ketat<br>- Mengenakan tarif yang lebih tinggi / kuota terhadap barang import<br>- Memberi subsidi kepada pengeluar tempatan untuk mengurangkan kos pengeluaran |